



**Majlis Peguam
Bar Council**

www.malaysianbar.org.my

Wisma Badan Peguam Malaysia
2 Leboh Pasar Besar
50050 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel : +603-2050 2050
Fax : +603-2050 2019
Email : council@malaysianbar.org.my

**Pekeliling No 009/2024/TA
Bertarikh 1 Oktober 2024**

**Jemputan ke Sesi Perbincangan Mengenai Masalah
yang Dihadapi oleh Peguam Sivil-Syarie di Negeri Sembilan**

Sukacita dimaklumkan bahawa *Bar Council Syariah Court Liaison Committee* (Jawatankuasa Perhubungan antara Mahkamah Syariah Majlis Peguam, "Jawatankuasa") akan mengadakan satu sesi perbincangan bersama-sama peguam-peguam Sivil-Syarie yang beramal di Negeri Sembilan.

Sesi perbincangan tersebut akan diadakan pada ketetapan yang berikut:

Tarikh: 25 Oktober 2024 (Jumaat)
Masa: 3:00 petang
**Tempat: Auditorium
Jawatankuasa Badan Peguam Negeri Sembilan
No 3, Jalan S2 D38
Magistrate's Square
Seremban 2
70300 Negeri Sembilan**
Kod CPD: T3/25102024/BC/NSB241273/2
Mata CPD: 2

Jawatankuasa berhasrat untuk mendapatkan maklum balas daripada peguam Sivil-Syarie di Negeri Sembilan dan membincangkan masalah-masalah dan cabaran yang dihadapi oleh mereka. Perbincangan ini juga bertujuan untuk memahami dengan lebih mendalam isu-isu yang dihadapi oleh mereka, termasuklah aspek-aspek praktikal dan perundangan.

Hasil daripada perbincangan tersebut, Jawatankuasa berharap untuk menyediakan satu laporan yang memperincikan isu-isu dan masalah-masalah yang dibincangkan. Laporan ini bukan sahaja akan menyenaraikan permasalahan yang telah dikenal pasti, tetapi juga akan disertakan dengan analisis terperinci berserta cadangan-cadangan penyelesaian.

Setelah laporan tersebut dimuktamadkan, Jawatankuasa akan merangka kertas kerja yang lebih komprehensif untuk penyelesaian terhadap isu-isu tersebut. Kertas kerja ini akan dijadikan asas perbincangan bersama Ketua Hakim Syarie Negeri Sembilan yang akan diaturkan kelak.



37TH LAWASIA CONFERENCE
Navigating the Legal Landscape in the Digital Age

13-15 Oct 2024
Hilton Kuala Lumpur



Jawatankuasa juga berhasrat untuk membentangkan laporan dan kertas kerja yang disediakan, serta meneroka pelbagai strategi dan pendekatan yang berkesan untuk menangani isu-isu yang telah dikenal pasti, selari dengan matlamat Jawatankuasa untuk mencapai penyelesaian yang mampu memperbaiki dan memudahkan urusan pengamal Sivil-Syarie di Negeri Sembilan.

Sehubungan dengan perkara di atas, Jawatankuasa berbesar hati untuk menjemput peguam Sivil-Syarie yang beramal di Negeri Sembilan untuk menjayakan sesi perbincangan ini. Sila daftar di [pautan ini](#) untuk pengesahan penyertaan anda **pada atau sebelum 22 Oktober 2024 (Selasa)**.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi Idzwan Ismail, Pembantu Pentadbir, (idzwan@malaysianbar.org.my) atau Najwa Syazwani Aqilah bt Abd Hamid, Pegawai Eksekutif (najwa@malaysianbar.org.my).

Terima kasih.

Roshalizawati bt Muhammad dan Azmi Mohd Rais
Pengerusi Bersama
Syariah Court Liaison Committee